

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Garis ciri mulia yang harus dimiliki pemimpin, di samping galak masyarakat agar berani nilai serta kritik kepimpinan



DR AZHAR IBRAHIM

Dalam banyak masyarakat dan peradaban dunia, soal kepimpinan sering mendapat perhatian besar. Kepimpinan adalah antara faktor penting yang menentukan kejayaan sesebuah masyarakat atau sebaliknya.

Tidak dinafikan bahawa pembangunan masyarakat juga bergantung kepada faktor-faktor yang lain. Namun tanpa kepimpinan yang berwibawa, faktor-faktor yang lain sukar digembleng dan dimanfaatkan ke arah pembangunan produktif.

Dalam cakerawala adat Melayu, soal kepimpinan sangat dititikberatkan, dan banyak ungkapan yang menganjur ciri dan nilai mulia yang harus ada pada pemimpin, selain mengingatkan sifat buruk yang perlu dijadiakan sempadan.

Kepimpinan dilihat dalam pelbagai lapangan dan peringkat adat Melayu.

Pemimpin itu ialah tokoh yang mengepalai masyarakat ataupun kumpulan mereka, seperti dalam ungkapan adat yang sering kita dengar:

“Yang disebut pemimpin banyak ragamnya, ada kecil ada besarnya, ada rendah ada tingginya, ada pula letak tempatnya, ada pula susun aturannya, ada pula alur parutnya.”

Pemimpin itu dilantik kerana kewibawaannya dalam mengurus, memberi arah dan merencana masa hadapan. Mereka ini diberikan keistimewaan, sekali gus diamanaahkan pertanggungjawaban seperti ungkapan berikut:

“Yang disebut pemimpin ialah orang yang didahulukan selangkah ditinggikan seranting, bagaikan pohon di tengah ladang, yang jauh mula nampak, yang dekat mula bersua. Rimbun daunnya tempat berteduh, kuat batangnya tempat bergantung, besar batangnya tempat bersandar, kokoh akarnya tempat bersta.”

Semua anjuran dan peringatan ini hanyalah dalam ungkapan tradisional, dan kita belum pasti sama ada semua ini benar-benar diaplikasikan dalam cara masyarakat dan pemerintah disusun.

Tenas Effendy, budayawan ulung



dari Riau, Indonesia, telah menyusun buku, *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu* (2000).

Beliau membutirkan 194 jenis pemimpin, dari yang mulia sampailah yang terkeji sifatnya.

KEPIMPINAN, PERADABAN DUNIA

Dalam peradaban Tamil, seorang pujangga tersohor Tiruvalluvar, yang terkenal dengan karyanya *Tirukkural*, juga banyak menyebut hal kepimpinan, termasuk ketatanegaraan.

Menurut beliau, tiang kepimpinan itu harus ada sikap berani, bermurah hati, bijak dan bertenaga.

Namun Tiruvalluvar juga ada menyebut tentang ciri awas atau bersiap siaga, yakni pandai menilik ancaman atau risiko dan cekal menghadapinya.

Ini hampir sama dengan apa yang disebut sebagai ‘pemimpin awas’ dalam ungkapan Melayu.

Disebut leluhur kita: “Apa tanda pemimpin awas, waspada menghadapi hujan dan panas.”

Disambung lagi begini:

“Menjadi pemimpin awas waspada Telinganya nyaring dan tajam mata Tekun menyemak isyarat dan tanda Rajin mendengar banyak membaca Bekerja tidak mengada-ada Bertugas tidak sambil lewa Berkata menurut alur patutnya.”

Awas akan ancaman luar, turut



Buku ‘Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu’ oleh Tenas Effendy. – Foto FACEBOOK BUKUKU

bermaksud awas pada anasir yang mahu merosakkan kepimpinan yang sedia ada.

Kenaifan dalam hal ini akan membawa banyak kerosakan.

Dalam ungkapan Melayu lama, sebagaimana yang disusun Tenas dalam bukunya, kepimpinan digambarkan secara umum dalam dua bentuk yang bertentangan iaitu kepimpinan yang adil dan cekap, serta kepimpinan

yang zalim dan haprak.

Apabila menyebut tentang peranan pemimpin, sering dapat kita bayangkan ketokohan yang memiliki sifat-sifat berikut:

Pertama, ia mesti bertindak adil. Kedua, kuat memegang amanah. Keempat, amalnya membawa kebaikan dan teladan kepada yang lain. Empat ciri pemimpin yang disebut

Keadilan, kebijaksanaan dan amanah merupakan antara sifat mulia yang dianjurkan dalam ungkapan Melayu bagi seseorang pemimpin. Sebaliknya, sifat zalim, korup dan bebal dilihat sebagai penghambat kepada kesejahteraan masyarakat. – Foto hiasan ISTOCKPHOTO

di atas tadi diperturunkan seperti berikut:

Bagi pemimpin adil,

“Tuah negeri adil berdiri, Tuah bangsa adil merata.”

“Menjadi pemimpin adil dan benar Tidak memilih kecil dan besar Petua diting amarah didengar Terhadap yang buruk ia tak gemar Pada yang baik ia mengakar Fikiran panjang hati penyabar.”

Pemimpin akal adalah tokoh yang:

“Pantang kehilangan akal” dan “Ilmunya dalam tiada dangkal.”

Sama pentingnya:

“Ilmunya banyak menjadi bekal Menjalankan tugas hatinya pukal Menikul beban ianya kekal Fikiran bulat imannya tebal Memimpin selalu menuruti bakal Tahunan diri sedar ke asal.”

Pemimpin yang amanah, atau mempunyai integriti, dapat memacu tatalaksana pemerintahan dan institusi dengan cekap.

Apabila ada pemimpin yang amanah, “negeri makmur rakyat semegah”.

Tokoh sebegini akan:

“Taat memegang janji dan sumpah

Kepedulian terhadap kepimpinan bagi masa depan cerah

Mereka (masyarakat) juga perlu ambil peduli terhadap isu berkaitan kepimpinan dengan menilai, mengemukakan saranan, serta mengkritik pada tempat dan masa yang sepatutnya. Masyarakat yang tidak menilai kepimpinan secara kritis, adalah masyarakat yang kurang bijak merancang masa depannya. Maka dunia ilmu, termasuk ranah kebudayaan, harus memberi tumpuan kepada pelbagai isu yang berkaitan dengan hal kepimpinan.

Penulis.

Terhadap rakyat ia peramah Terhadap sahabat ia pemurah Dalam bekerja ia semenggah Dalam bercakap berhalus lidah.”

Pemimpin beramal pula mencurahkan bakti kerjanya untuk kebaikan mereka yang dipimpnnya.

Jenis sebegini disebut:

“Hatinya ikhlas sempurna akal Membela rakyat hatinya pukal Membantu orang tiada menyesal Hidupnya lurus maknanya halal Orang sayang nama terkenal Kerjanya elok manfaatnya kekal.”

KEPIMPINAN CERMINAN KEMASYARAKATAN

Perlu diingat bahawa ungkapan atau petiti (pepatah yang mengandungi nasihat) sebegini bukan sahaja ditujukan langsung kepada kepimpinan.

Ungkapan tersebut turut menjadi pesanan kepada rakyat umum agar sentiasa tahu apa yang dikehendaki serta ikut kata hati dengan penuh pertimbangan, berhemah dan bijaksana.

Dalam *Tambo Minangkabau*, karya sejarah dan sastra tradisional orang Minangkabau di Sumatera, ada pesanan berharga berbunyi begini:

“...bahawa setiap orang manusia harus mengetahui yang dikehendakinya atau mengikut kata hatinya, jangan mengikut kata hati orang yang kurang kesedaran dan akalanya. Orang yang tahu mengikut kata hatinya akan berlaku baik terhadap dirinya dan juga terhadap orang lain. Sedangkan orang yang hanya boleh mengikut kata orang tanpa dapat mengikut kata hatinya, biasanya sering mencela orang tanpa mahu dicela dan selalu ingin marah. Keadaan demikian itu tidak baik. Seharusnya ia harus tahu mengikut kata hatinya, dan kalau mengikut kata hati orang harus tahu betul apa yang diperbuat orang tersebut.”

petiti adat.

Pemimpin sebegini mempunyai sifat yang zalim, licik, bebal, serakah, suka makan rasuah, hasad dan banyak lagi.

Ini semua menghambat kesejahteraan masyarakat.

Ini kerana: “*Bila pemimpin tak tahu diri, umat binasa rosaklah negeri.*”

Dalam konteks hari ini, pemahaman kita tentang kepimpinan mesti dilengkapi dengan ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan.

Wacana ilmiah yang seperti sosiologi elit, yang meneliti kelompok berkuasa serta pengaruh mereka dalam masyarakat, wajar dipelajari dan disampaikan kepada umum, agar idea kritis dan reformis dapat berakar dalam masyarakat.

dupan yang lebih sejahtera dan maju.

Namun, masyarakat tidak seharusnya sekadar menaruh harapan.

Mereka (masyarakat) juga perlu ambil peduli terhadap isu berkaitan kepimpinan dengan menilai, mengemukakan saranan, serta mengkritik pada tempat dan masa yang sepatutnya.

Masyarakat yang tidak menilai kepimpinan secara kritis, adalah masyarakat yang kurang bijak merancang masa depannya.

Maka dunia ilmu, termasuk ranah kebudayaan, harus memberi tumpuan kepada pelbagai isu yang berkaitan dengan hal kepimpinan.

Pada generasi terdahulu, kepedulian masyarakat terhadap kepimpinan tercermin melalui ungkapan adat yang digubal dan diturunkan secara lisan.

Jika disusun dan dikupas, pandangan adat tentang kepimpinan boleh ditafsir secara kreatif dan dimanfaatkan untuk membina masyarakat yang lebih baik.

Moga ia menjadi inspirasi kita untuk terus cermat dalam memantau dan menghargai kepimpinan yang lalu, hari ini dan di hari muka.

Kita sudahi dengan kiasan adat yang cantik tentang kepimpinan:

“Apabila rumah tidak bertua, apabila dusun tidak berinduk, apabila kampung tidak berpengulu, apabila negeri tidak berjaja, bagaikan ayam tidak berinduk, bagaikan serai tidak berumpun, bagaikan sungai tidak berguguk, bagaikan perahu tidak berkemudi, lambai laun ditimpa bencana. Kalau di darat akan sesat, kalau di laut akan hanyut, kalau di hulu akan haru biru, kalau dihilir akan tersingkir.”

Itulah pentingnya kepimpinan.

Dalam bahasa hari ini, kita mesti merancang ke arah pemupukan kepimpinan hari esok.

Ia bermula pastinya hari ini.

► Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas *Berita Minggu* (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.